

# YDKMM anjur program JMK santuni tiga kampung

UB 5.6.2018 B1

**SERAMAI** 70 sukarelawan Youth of Happiness (Yosh) telah meyantuni lebih 100 penduduk dari Kg Dundau, Kg Piasau dan Kg Nahaba, Kota Belud.

Buat julung kalinya, Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM) Cawangan Sabah mengadakan program Jom Masuk Kampung (JMK) bersama tiga kampung sekaligus. Program JMK itu telah diadakan di Masjid Kg Dundau.

Sukarelawan yang turut serta terdiri daripada pelajar master, PhD dan ijazah Universiti Malaysia Sabah (UMS), IPG Kent, MRSM Kota Kinabalu, SMAKK serta guru dan usahawan. Satu keunikan dalam program kali ini ialah ia turut melibatkan pelajar

antarabangsa dan pelancong luar negara.

Tujuan utama program adalah untuk menyantuni dan membantu golongan yang kurang bernasib baik di Sabah. Selain itu, untuk memperkenalkan budaya masyarakat Sabah dalam kalangan pelajar antarabangsa dan pelancong luar negara.

Sepanjang program berlangsung, para sukarelawan berpeluang menziarahi beberapa keluarga di Kg Dundau dan Kg Piasau. Di situ, para sukarelawan telah berkongsi pengalaman suka duka dan memberikan sedikit kata-kata semangat buat mereka. Sayu hati melihat keadaan kehidupan mereka, namun mereka tetap cecal menjalani kehidupan seharian.

Selain itu, aktiviti lain yang

dijalankan adalah memasak beramai-ramai bersama penduduk kampung, sukaneka kanak-kanak dan klinik Al-Fatihah.

Para sukarelawan juga telah diperkenalkan dan merasai sendiri pengalaman cara-cara membuat kuih tradisional penjarang. Seperti diketahui umum, kuih tradisional penjarang merupakan antara makanan yang paling popular dalam kalangan masyarakat Bajau.

Dalam program itu, sebanyak 34 keluarga dari tiga kampung telah menerima sumbangan berbentuk barang keperluan asas dan senaskah wakaf al-Quran. Selain itu, 100 naskah al-Quran juga telah disumbangkan kepada kampung-kampung berkenaan untuk diagihkan kepada penduduk kampung



**BERGAMBAR** beramai-ramai bersama sukarelawan Yosh, penduduk kampung dan Taib (duduk, tengah).



**SUKANEKA** sukarelawan Yosh bersama anak-anak kampung.

yang lain.

Majlis perasmian penutupan program JMK telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Bahagian Parlimen Kota Belud Taib Isai.

Beliau merakamkan ucapan tahinah kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan program JMK.

Pengerusi YDKMM Sabah Sittilin Salleh turut merakamkan rasa syukur dan terima kasih kepada semua sukarelawan Yosh serta penduduk kampung yang telah bertungkus-lumus memastikan kelancaran perjalanan program.

Majlis berakhir dengan sesi bergambar beramai-ramai bersama sukarelawan Yosh, penduduk kampung dan tetamu jemputan.

